

**Soalan Cepumas Najib, Mesej Jelas Agar Umno Bersatu - Mohamad Hasan Bernama  
5 Disember, 2012**

SEREMBAN, 5 Dis (Bernama) -- Soalan cepumas yang dilontarkan Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 2012, jelas mengingatkan setiap anggota Umno untuk mengelak daripada melakukan tindakan menjatuhkan parti pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Seri Mohamad Hasan berkata soalan itu juga merupakan satu mesej agar anggota parti sentiasa mengambil iktibar daripada apa yang berlaku pada PRU 2008.

"Seperti yang kita tahu, pada pilihan raya yang lepas-lepas, 2008 terutamanya di Negeri Sembilan banyak kawasan yang kita kalah terutama di kawasan-kawasan bermasalah adalah disebabkan pertelingkahan dalaman dan sabotaj pemimpin-pemimpin yang tidak dipilih sebagai calon.

"Saya kerap menyatakan bahawa kita kalah bukan kerana pembangkang kuat, tapi kita kalah kerana tidak bersatu dan bertelingkah antara satu sama lain, jadi pesanan dan soalan cepumas yang disebut oleh Datuk Seri Najib itu memang tepat pada masanya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini pada Rabu.

Beliau diminta mengulas mengenai soalan yang dilontarkan Najib iaitu "kalau anda tidak terpilih sebagai calon, adakah anda akan sokong sepenuhnya calon yang dipilih Umno dan Barisan Nasional", dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Sabtu lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714241>